

# Malaysia hanya pemerhati

BH 25 APR 2000

ALOR STAR. Isnin - Malaysia hanya bkrindak sebagai pemerhati dalam latihan tentera Cobra Gold ke-19, membabitkan Amerika Syarikat, Thailand dan Singapura di Selatan Thailand, selama 15 hari, bermula 9 Mei ini.

Walaupun menerima tawaran mengambil bahagian secara langsung dalam latihan tentera anjuran Amerika Syarikat di Asia Pasifik itu, kerajaan mengambil pendirian tidak menyertainya secara langsung.

Bagaimanapun, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, Malaysia tidak menolak kemungkinan menyertai latihan itu secara langsung pada masa depan bagi memantapkan sistem pertahanan negara melalui pengalaman yang diperoleh daripadanya.

Beliau berkata, Perdana Menteri Thailand, Chuan

Lekpai menjemput Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyertai latihan berkenaan tetapi kerajaan berpendapat, setakat ini pembabitannya hanyalah sebagai pemerhati.

Latihan itu adalah antara latihan ketenteraan paling besar dianjurkan Amerika Syarikat di Asia Pasifik.

Katanya, Malaysia yang melihat latihan itu sebagai amalan positif bagi memperkukuh sistem pertahanan negara, tetap dengan pendirian tidak membenarkan pembukaan pangkalan tentera asing secara kekal di rantau Asia.

"Latihan seperti Cobra Gold memang memberikan banyak pengalaman berguna tetapi kita memutuskan untuk mengambil bahagian sebagai pemerhati saja," katanya selepas menyampaikan Sayap Penerbangan Kelas 99 kepada 18 pelatih kursus itu

di Kolej Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Kepala Batas, dekat sini hari ini.

Najib turut menyampaikan Pingat Negara Bangsa-bangsa Bersatu (PNBB) kepada 16 bekas anggota tentera yang berkhidmat di bawah Malaysia Special Forces (MSF) di Congo dari 4 Oktober 1960 hingga 28 April 1963.

Beliau menyampaikan bantuan kewangan kepada bekas tentera yang hilang upaya ketika berkhidmat.

Bagi Kursus Asas Penerbangan Kelas 99, Lt Ahmad Khusairi Ahmad Fadli yang muncul pelatih terbaik keseluruhan menerima Pedang Panglima Tentera Udara manakala Lt Muhamed Afizan Jaafar (pelatih terbaik pengajian akademik) menerima Piala Komanden. Alfan Naem Katiman (pelatih terbaik aerobatik) menerima Piala Aerobatik.